

Kerajaan siasat segala aduan ikut prosedur — Dr. Mahathir

Me M 23 AUG 1997

KUALA LUMPUR 22 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan menyiasat mengikut prosedur biasa sebarang laporan dan aduan yang diterima termasuk dari parti pembangkang.

Sebagai contohnya, kata Perdana Menteri, dalam kes pita video lucu yang dikatakan membabitkan bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat, D. P. Vijandran dan pembelian 22 buah kereta Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kerajaan tetap menyiasat perkara itu sekali-

pun pihak DAP yang membuat aduan.

"Ingin saya tegaskan, jika tuduhan-tuduhan yang dibuat itu berasas, kita akan menyiasatnya," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas melancarkan Rali Malaysia anjuran Petronas di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas beberapa kejadian di mana pemimpin-pemimpin parti pembangkang khususnya DAP memperolehi maklumat yang lengkap berhubung sesuatu isu.

Contohnya ialah isu saham Telekom yang diperuntukkan kepada Maika Holdings dan pembelian 22 buah kereta Volvo oleh DBKL.

Serentak dengan itu, Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan akan mengambil tindakan ke atas Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) sekiranya beliau didapati memiliki sebarang maklumat rahsia kerajaan.

Katanya, di samping itu tindakan yang sama juga akan turut diambil ke atas mana-mana pegawai kerajaan yang

memberikan kerjasama kepada ahli-ahli politik dengan membocorkan rahsia kerajaan kepada mereka.

"Kalau kita mendapat maklumat yang boleh dijadikan bukti kita akan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang terlibat tetapi buat masa ini semua itu hanya tuduhan sahaja".

Menurut Perdana Menteri, mungkin ada pegawai kerajaan terlibat membekalkan maklumat kepada pemimpin parti pembangkang berhubung beberapa isu sejak kebelakangan ini.